KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

KIMIA MALAYSIA

Laporan
Kajian Kepuasan Pelanggan
KIMIA Malaysia 2026



Disediakan oleh:

Bahagian Pengurusan Kualiti dan Inovasi
Pusat Pengurusan Kualiti dan Penyelidikan







Isi **Kandungan**

RINGKASAN EKSEKUTIF	03
LATAR BELAKANG	04
OBJEKTIF	05
METODOLOGI	06-10
ANALISIS RESPONDEN	11-13
ANALISIS KAJIAN	14-21
RUMUSAN	22-23
PENUTUP	24
LAMPIRAN 1 MAKLUMAT GRED I DAN GRED 2 MENGIKUT MAKMAL IBU PEJABAT, NEGERI DAN CAWANGAN	26-69
LAMPIRAN 2 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN JABATAN KIMIA MALAYSIA	70-136
LAMPIRAN 3 RINGKASAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN MENGIKUT KATEGORI	137-144



Ringkasan **Eksekutif**

KIMIA Malaysia telah menjalankan kajian ini selaras dengan **Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 1 Tahun 2025: Panduan Pengurusan Perhubungan Pelanggan Sektor Awam** dan **PKPA Bilangan 4 Tahun 1991- Garis Panduan Mengenai Strategi-Strategi Peningkatan Kualiti Dalam Perkhidmatan Awam**. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengukur dan menilai tahap kepuasan pelanggan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan di KIMIA Malaysia di samping mendapatkan cadangan bagi menambah baik kualiti dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.



Kajian ini dijalankan bermula dari 16 Jun hingga 24 Julai 2026 secara dalam talian dan melibatkan seramai 1084 responden.

Kajian Kepuasan Pelanggan 2026 merekodkan kadar kepuasan 99.3%, iaitu penurunan sebanyak 0.5% berbanding pencapaian 99.8% pada tahun 2025.

2025

99.8%
Kepuasan Pelanggan

1042
Bilangan Responden

2026

99.3%
Kepuasan Pelanggan

1084
Bilangan Responden



Latar **Belakang**



Kajian Kepuasan Pelanggan dilaksanakan bagi mendapatkan maklum balas pelanggan terhadap kualiti penyampaian perkhidmatan Jabatan Kimia Malaysia. Dapatan kajian ini digunakan sebagai asas untuk menilai tahap kepuasan pelanggan, mengenal pasti ruang penambahbaikan serta meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan secara berterusan.

Kajian yang dijalankan ini membabitkan pelanggan dari Pusat Analisis Sains Forensik (FORENSIK), Pusat Analisis Industri dan Tarif Kastam (INDUSTRI) dan Pusat Analisis Keselamatan Air Minum, Makanan dan Alam Sekitar (SEKITARAN) di Ibu pejabat serta pelanggan KIMIA Negeri dan Cawangan iaitu Pulau Pinang, Kedah, Perak, Melaka, Johor, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah, Sarawak, Bintulu, Sibu dan Tawau.

Soalan-soalan kajian dan skala penilaian telah dikemaskini selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi dan Kualiti (JPIK) Bil. 1/2026 yang diadakan pada 23 Mac 2026.



Objektif **Kajian**

Objektif kajian ini dilaksanakan adalah:

01 **Menilai Tahap Kepuasan Pelanggan**

Mengukur sejauh mana pelanggan berpuas hati dengan kualiti produk atau perkhidmatan yang diberikan

02 **Mengenal Pasti Keperluan dan Jangkaan Pelanggan**

Memahami kehendak pelanggan bagi memastikan perkhidmatan atau produk memenuhi standard dan harapan mereka

03 **Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan**

Mengenal pasti kelemahan dan ruang penambahbaikan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan

04 **Membina Hubungan Baik dengan Pelanggan**

Mewujudkan hubungan yang positif dengan pelanggan melalui maklum balas yang diterima dan tindakan susulan yang diambil

05 **Mengukur Prestasi Jabatan**

Menilai sejauh mana objektif perkhidmatan atau produk telah dicapai berdasarkan maklum balas pelanggan





METODOLOGI

Metodologi

1. Kajian ini dilaksanakan secara dalam talian melalui pautan *Google Forms* dan melibatkan pelanggan daripada pelbagai latar belakang termasuk jabatan/agensi kerajaan, sektor swasta, dan orang awam dalam tempoh 16 Jun hingga 24 Julai 2026.

2. Borang kajian dalam talian ini merangkumi empat (4) bahagian sepertimana berikut:


   i) Bahagian A - Empat (4) kriteria Profil Responden (Pelanggan)

Kategori Responden	Pelanggan yang berurusan dengan KIMIA Malaysia sama ada dari sektor awam, sektor swasta ataupun orang awam
Umur Responden	Kurang 21 tahun, 21-40 tahun dan 41-60 tahun
Kaedah Berurusan	Surat menyurat, telefon, e-mel, secara bersemuka / janji temu / kaunter / mesyuarat / seminar / kursus / taklimat/ media sosial (Facebook, TikTok, Instagram, laman web) dan lain-lain.
Kekerapan Berurusan Secara Purata Setahun	Purata kekerapan pelanggan berurusan antara 1 hingga 15 kali setahun

Profil responden (pelanggan)


Metodologi

ii) **Bahagian B** - Personel, terdapat lima (5) kriteria;



Kriteria Personel

iii) **Bahagian C** - Kualiti Perkhidmatan, terdapat lima (5) kriteria;



Kriteria kualiti perkhidmatan

Metodologi

iv) **Bahagian D** - Kemudahan, terdapat lapan (8) kriteria;



Kriteria kemudahan






Metodologi

v) **Bahagian E** - Penilaian Perkhidmatan Teras, terdapat lima (5) kriteria;



Kriteria penilaian perkhidmatan teras


3. Skala kepuasan pelanggan bagi setiap aspek dinilai menggunakan Gred 1 hingga 5 seperti berikut:



Skala kepuasan mengikut gred


Metodologi

4. Borang kajian ini turut menyediakan ruang untuk responden mengemukakan cadangan bagi meningkatkan kualiti dan memperbaiki perkhidmatan KIMIA Malaysia. Hebahan mengenai kajian ini dilakukan melalui:



Kaedah-kaedah hebahan Kajian Kepuasan Pelanggan

5. Penilaian terhadap prestasi penyampaian kakitangan dan kualiti perkhidmatan Jabatan dibuat berasaskan peratusan kepuasan pelanggan yang dicapai.



Sasaran peratus Kepuasan Pelanggan bagi tahun 2026

6. Aspek-aspek penilaian yang menerima Gred 1 (Sangat Tidak Setuju) dan Gred 2 (Tidak Setuju) akan diteliti dan langkah pembetulan serta pencegahan akan dilaksanakan untuk memastikan prestasi terus meningkat dari semasa ke semasa.




ANALISIS

RESPONDEN

Analisis **Responden**

1. Seramai 1,084 responden telah memberikan maklum balas bagi Kajian Kepuasan Pelanggan ini, sekali gus melepasi sasaran awal iaitu 1,060 responden. Profil responden dianalisis merangkumi aspek sektor, umur, kaedah, kekerapan, serta lokasi urus niaga sama ada di Ibu Pejabat, Bahagian, Negeri mahupun Cawangan. Analisis terperinci mengenai maklumat responden dipaparkan seperti berikut.




Kategori sektor responden yang berurusan dengan KIMIA Malaysia

2. Sektor awam merupakan pelanggan utama KIMIA Malaysia, merangkumi 1,044 orang (96.3%) daripada 1,084 keseluruhan responden kajian. Keadaan ini selari dengan penawaran perkhidmatan analisis KIMIA Malaysia yang berfokus pada kes penguatkuasaan dan pemantauan.


3. Majoriti responden berumur antara 21 hingga 40 tahun, iaitu seramai 618 orang (57.0%), diikuti oleh responden berumur antara 41 hingga 60 tahun seramai 463 orang (42.7%). Selain itu, dua orang responden berumur kurang daripada 21 tahun merupakan pelanggan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berurusan dengan Bahagian DNA Forensik, KIMIA Pulau Pinang. Sementara itu, seorang responden berumur melebihi 60 tahun merupakan pelanggan daripada Jabatan Pendaftaran yang berurusan dengan Bahagian DNA Forensik, KIMIA Ibu Pejabat.

Analisis **Responden**



Kategori umur responden yang berurusan dengan KIMIA Malaysia


4. Kajian ini juga turut menilai kekerapan responden berurusan dengan KIMIA Malaysia.



Kategori kekerapan responden berurusan secara purata setahun dengan KIMIA Malaysia


5. Kajian menunjukkan bahawa kaedah berurusan secara bersemuka, janji temu, atau kaunter merupakan saluran utama pilihan pelanggan KIMIA Malaysia dengan mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 42.9%.

Analisis **Responden**



Peratusan kaedah berurusan di KIMIA Malaysia

6. Analisis mengikut makmal di peringkat Ibu Pejabat, Negeri dan Cawangan mendapati majoriti responden terdiri daripada pelanggan Makmal Forensik, iaitu merangkumi 540 orang atau 49.8% daripada keseluruhan responden.



Peratusan responden yang berurusan di KIMIA Malaysia



ANALISIS

KAJIAN

Analisis **Kajian**

1. Ringkasan analisis kajian adalah seperti berikut:

Perkara/ Gred	Gred/ Bilangan					Kepuasan Pelanggan 2026 (%)	Kepuasan Pelanggan 2025 (Bilangan 2) (%)
	1 (Sangat Tidak Setuju)	2 (Tidak Setuju)	3 (Neutral)	4 (Setuju)	5 (Sangat Setuju)		
BAHAGIAN B: PERSONEL							
1. Layanan yang cekap dan responsif	8	1	12	223	840	**99.2**	99.9
2. Profesional dan mesra pelanggan	5	0	12	226	841	**99.5**	99.9
3. Berintegriti dan adil dalam menyampaikan perkhidmatan	5	0	13	208	858	**99.5**	100
4. Pengetahuan dan kemahiran pegawai	5	1	7	200	871	**99.4**	100
5. Penyampaian dan ketepatan maklumat	3	1	11	214	855	**99.6**	99.9
BAHAGIAN C: KUALITI PERHIDMATAN							
1. Tatacara dan panduan disediakan mudah difahami	3	1	18	278	784	**99.6**	100
2. Penyampaian perkhidmatan mengikut arahan dan prosedur	3	1	20	262	798	**99.6**	100
3. Keboleh hubungan agensi di atas pelbagai platform (Telefon, e-mel,bersemuka, portal dan lain-lain)	2	4	28	250	800	**99.4**	100
4. Ketepatan dan keseragaman maklumat yang disampaikan	2	1	16	260	805	**99.7**	100
5. Kerelevanan dan kepentingan perkhidmatan	2	1	11	211	859	**99.7**	100


Analisis **Kajian**

Perkara/ Gred	Gred/ Bilangan					Kepuasan Pelanggan 2026 (%)	Kepuasan Pelanggan 2025 (Bilangan 2) (%)
	1 (Sangat Tidak Memuaskan)	2 (Tidak Memuaskan)	3 (Sederhana)	4 (Baik)	5 (Sangat Baik)		
BAHAGIAN D: KEMUDAHAN							
1. Persekitaran yang bersih	2	1	19	194	824	**99.7**	100
2. Penunjuk arah/ papan tanda dan direktori mudah dirujuk	2	4	22	256	759	**99.4**	99.9
3. Informasi di kaunter jelas dan memadai	2	2	14	241	794	**99.6**	100
4. Keselesaan ruang menunggu	5	9	63	251	724	**98.7**	99.8
5. Kemudahan OKU	6	5	80	255	530	**98.7**	99.2
6. Kebersihan tandas	3	6	34	250	722	**99.1**	100
7. Keadaan surau	3	3	49	214	587	**99.3**	100
8. Kemudahan lif	19	12	45	212	536	**96.2**	95.8
BAHAGIAN E: PENILAIAN PERKHIDMATAN TERAS							
1. Tempoh piagam pelanggan	2	11	47	361	646	**98.8**	99.9
2. Laporan disiapkan mengikut piagam	6	16	82	349	616	**97.9**	99.7
3. Laporan kimia mematuhi permohonan	1	0	14	265	790	**99.9**	99.9
4. Ketepatan dan ketelusan maklumat laporan kimia	1	0	5	261	804	**99.9**	99.9
5. Kualiti dan kesaksamaan laporan kimia	1	0	15	246	807	**99.9**	100
BAHAGIAN F: PERKHIDMATAN KESELURUHAN JABATAN (B+C+D+E)	**91**	**80**	**637**	**5687**	**17450**	**99.3**	**99.8**
BAHAGIAN G: PERKHIDMATAN TERAS JABATAN (E)	**11**	**27**	**163**	**1482**	**3663**	**99.3**	**99.9**

Ringkasan keputusan Kajian Kepuasan Pelanggan 2026


Analisis **Kajian**

2. Secara keseluruhannya, tahap kepuasan pelanggan berjaya melampaui sasaran 96%. Walau bagaimanapun, mengikut bahagian di Ibu Pejabat, Bahagian Narkotik mencatatkan kadar kepuasan terendah iaitu pada paras 95.5%.






Analisis **Kajian**



Analisis **Kajian**

3. Hasil kajian tahun ini menunjukkan bahawa tiada kriteria penilaian yang mencatatkan tahap kepuasan pelanggan sebanyak 100%.
4. Kerosakan lif di KIMIA Sarawak telah menyebabkan aspek fungsi dan keselamatan lif mencatatkan skor kepuasan pelanggan terendah, iaitu **96.2%**. Sebagai penyelesaian jangka panjang, projek penggantian lif baharu telah diluluskan di bawah RMK13 dan kerja-kerja penggantian lif penumpang dan lif kargo sedang dijalankan bermula 24 Ogos 2026 hingga 24 Ogos 2027.
5. Berikut merupakan analisis hasil kajian mengikut bahagian yang dinilai:
   i) Bahagian B: Personel
   ii) Bahagian C: Kualiti Perkhidmatan
   iii) Bahagian D: Kemudahan
   iv) Bahagian E: Penilaian Perkhidmatan Teras


i) **Bahagian B** - Personel



Tahap Kepuasan Pelanggan bagi kategori Personel

Analisis **Kajian**

ii) **Bahagian C** - Kualiti Perkhidmatan




Tahap Kepuasan Pelanggan bagi kategori Kualiti Perkhidmatan



Analisis **Kajian**

ii) **Bahagian D** - Kemudahan




Tahap Kepuasan Pelanggan bagi kategori Kemudahan




Analisis **Kajian**

ii) **Bahagian E** - Penilaian Perkhidmatan Teras



Tahap Kepuasan Pelanggan bagi kategori Penilaian Perkhidmatan Teras






Rumusan

1. Secara keseluruhannya, peratusan kepuasan pelanggan bagi Kajian Kepuasan Pelanggan 2026 mencatatkan **99.3%**, iaitu sedikit menurun sebanyak 0.5% berbanding Kajian Kepuasan Pelanggan 2025 (Bilangan 2).

2. Kajian Kepuasan Pelanggan 2026 turut merekodkan peningkatan ketara dalam maklum balas berskala rendah berbanding tahun 2025. **Skor Gred 1 (Sangat Tidak Setuju)** meningkat daripada **27 kepada 91**, manakala **skor Gred 2 (Tidak Setuju)** meningkat daripada **23 kepada 80**. Hasil siasatan ke atas 59 responden bagi Gred 1 dan 7 responden bagi Gred 2 menunjukkan bahawa terdapat kesilapan dari segi penilaian dan skor.

3. Sebanyak 25 skor Gred 1 dan 59 skor Gred 2 dikenal pasti sebagai berasas. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan sedang dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan Jabatan.





Rumusan

4. **193** cadangan penambahbaikan telah dikemukakan, dan hasil penilaian mendapati **167** cadangan yang berasas serta wajar dipertimbangkan untuk tindakan selanjutnya. Jabatan turut melaksanakan pemantauan secara berterusan terhadap status pelaksanaan tindakan penambahbaikan bagi cadangan yang telah diterima pada tahun-tahun sebelumnya untuk memastikan setiap tindakan yang dipersetujui dilaksanakan dengan berkesan.

5. **29 skor Gred 1** yang berasas telah direkodkan, kriteria **Kemudahan** mencatatkan bilangan skor tertinggi. Isu kegagalan fungsi dan keselamatan lif merupakan aduan utama dengan 16 aduan, diikuti kemudahan mesra OKU (4 aduan) serta keselesaan ruang menunggu, tandas dan surau (3 aduan). Bagi kriteria **Penilaian Perkhidmatan Teras**, sebanyak 6 aduan direkodkan, melibatkan kegagalan menyiapkan dan menyerahkan laporan mengikut piawaian Piagam Pelanggan (5 aduan) serta tempoh masa Piagam Pelanggan (1 aduan). Sehubungan itu, tindakan penambahbaikan perlu diberi keutamaan kepada aspek keselamatan dan penyelenggaraan kemudahan, khususnya lif dan fasiliti fizikal, di samping memperkukuh pemantauan proses kerja bagi memastikan laporan disiapkan dan diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan.

6. Pihak pengurusan mengambil maklum dapatan kajian kepuasan pelanggan ini dan kekal komited untuk terus menyalurkan perkhidmatan yang terbaik.



Penutup

1. Hasil kajian menunjukkan bahawa prestasi kepuasan pelanggan pada tahun 2026 berjaya mencapai dan melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 99.3%. Secara keseluruhan, pelanggan sangat berpuas hati dengan kualiti penyampaian perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan KIMIA Malaysia.

2. KIMIA Malaysia akan terus berusaha untuk menambahbaik prestasi penyampaian kakitangan KIMIA Malaysia, menilai tahap kualiti dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan KIMIA Malaysia dan melaksanakan cadangan penambahbaikan terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan supaya dapat memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan. Enam (6) inisiatif KIMIA Malaysia bagi memperbaiki perkhidmatan adalah seperti berikut:



Terima Kasih

HUBUNGI KAMI:

+603-7985 3000 / +603-7985 3092 (faks)

prokimia@kimia.gov.my

www.kimia.gov.my

Jabatan Kimia Malaysia
Jalan Sultan,
46661 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

KELULUSAN KETUA PENGARAH KIMIA MALAYSIA :

(ChM Puan Marhayani binti Md. Saad)

TARIKH: 29 Oktober 2026

"Kami sebahagian dari hidup anda"



LAMPIRAN 1

1) MAKLUMAT GRED 1 MENGIKUT MAKMAL IBU PEJABAT, NEGERI DAN CAWANGAN YANG BERASAS

BIL	KRITERIA PENILAIAN	MAKMAL/ NO. BORANG	TINDAKAN YANG DIAMBIL	STATUS (SELESAI) **Selesai sehingga makluman kepada pelanggan hasil siasatan*
1.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 4. Ruang menunggu yang disediakan adalah selesa bagi pelanggan.	KIMIA Malaysia (Ibu Pejabat) SEKITARAN (Kualiti Makanan) 1110	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah menghubungi pelanggan pada 5/8/2026 untuk mendapatkan penjelasan lanjut. **Maklum balas dari pelanggan:** Pelanggan menyatakan persekitaran ruang menunggu di tingkat 4 kaunter penerimaan sampel analisis residu pestisid tidak selesa. Pengudaraan yang kurang baik dan panas. **Cadangan penambahbaikan dari makmal:** Pelanggan juga telah dimaklumkan keadaan tersebut disebabkan terdapatnya kerosakan pada sistem pengudaraan berpusat dan sedang dalam tindakan pembaikan. **Anggaran masa pelaksanaan (jika ada):** Jangkaan siap pada November 2026. **Nyatakan pihak lain yang bertanggungjawab di atas isu tersebut (jika ada):** -	SELESAI
2.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 5. Kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) disediakan dan mudah diakses.	KIMIA Malaysia (Ibu Pejabat) FORENSIK (DNA Forensik) 239	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** 13/8/2026. **Maklum balas dari pelanggan:** Pelanggan mengambil maklum tentang kemudahan OKU (tempat letak kereta dan tandas) yang terdapat di bangunan utama, Jabatan Kimia Malaysia. **Cadangan penambahbaikan dari makmal:** Walaubagaimana pun cadangan ini akan dibawa ke pihak pengurusan untuk pertimbangan lanjut. memandangkan ia melibatkan implikasi bajet.	SELESAI

BIL	KRITERIA PENILAIAN	MAKMAL/ NO. BORANG	TINDAKAN YANG DIAMBIL	STATUS (SELESAI) **Selesai sehingga makluman kepada pelanggan hasil siasatan*
			Nyatakan pihak lain yang bertanggungjawab di atas isu tersebut (jika ada): Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP). Walau bagaimanapun, tiada peruntukan untuk penyediaan tandas duduk di aras bawah bangunan forensik. **Anggaran masa pelaksanaan (jika ada):** Bergantung kepada kelulusan peruntukan.	
3.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 5. Kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) disediakan dan mudah diakses.	KIMIA Pahang FORENSIK (Narkotik) 784	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah hubungi pelanggan pada 6 Ogos 2026 jam 11.00 pagi dan disusuli dengan e-mel kepada pelanggan pada 10 Ogos 2026, 11.14 pagi. **Maklum balas dari pelanggan:** Ketiadaan kemudahan akses OKU. **Cadangan penambahbaikan dari makmal:** Pemakluman kepada pelanggan berkaitan kemudahan untuk orang kurang upaya (OKU) dan kemudahan lain telah termasuk dalam skop projek pembangunan RMK13 yang akan bermula pada tahun hadapan (2027). Pertimbangan daripada pengurusan kerana melibatkan implikasi bajet/ kos. **Anggaran masa pelaksanaan (jika ada):** 2 tahun.	SELESAI
4.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 5. Kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) disediakan dan mudah diakses.	KIMIA Malaysia (Ibu Pejabat) FORENSIK (Narkotik) 999	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** - **Maklum balas dari pelanggan:** - **Cadangan penambahbaikan dari BKP:** Dicadangkan untuk dimasukkan dalam penyelenggaraan tahun 2027 sekiranya ada peruntukan.	SELESAI
5.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 5. Kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) disediakan dan mudah diakses.	KIMIA Malaysia (Ibu Pejabat) FORENSIK (Narkotik) 1007		SELESAI

BIL	KRITERIA PENILAIAN	MAKMAL/ NO. BORANG	TINDAKAN YANG DIAMBIL	STATUS (SELESAI) **Selesai sehingga makluman kepada pelanggan hasil siasatan*
6.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 6. Tandas yang disediakan adalah bersih dan berfungsi dengan baik.	KIMIA Malaysia (Ibu Pejabat) FORENSIK (Narkotik) 999	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** **-** **Maklum balas dari pelanggan:** - **Cadangan penambahbaikan dari BKP:** Tandas sentiasa dibersihkan mengikut jadual yang disediakan.	SELESAI
7.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 7. Surau yang disediakan adalah bersih, selesa dan kondusif untuk digunakan.	KIMIA Malaysia (Ibu Pejabat) FORENSIK (Narkotik) 312	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** **-** **Maklum balas dari pelanggan:** **-** **Cadangan penambahbaikan dari BKP:** Surau sentiasa dibersihkan mengikut jadual pembersihan yang disediakan.	SELESAI
8.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 8. Kemudahan lif yang disediakan berfungsi dengan baik dan selamat.	KIMIA Pahang FORENSIK (Toksikologi) 57	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah hubungi pelanggan pada 6 Ogos 2026 jam 11.00 pagi dan disusuli dengan e-mel kepada pelanggan pada 10 Ogos 2026, 11.14 pagi. **Maklum balas dari pelanggan:** Pemakluman kepada pelanggan berkaitan kemudahan lif telah dicadangkan untuk dimasukkan semasa pembinaan bangunan baru. **Cadangan penambahbaikan dari makmal:** Pertimbangan daripada pengurusan kerana melibatkan implikasi bajet/ kos.	SELESAI
9.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 8. Kemudahan lif yang disediakan berfungsi dengan baik dan selamat.	KIMIA Pahang FORENSIK (Kriminalistik) 214		SELESAI
10.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 8. Kemudahan lif yang disediakan berfungsi dengan baik dan selamat.	KIMIA Pahang FORENSIK (Narkotik) 679		SELESAI
11.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 8. Kemudahan lif yang disediakan berfungsi dengan baik dan selamat.	KIMIA Pahang FORENSIK (Narkotik) 784		SELESAI

BIL	KRITERIA PENILAIAN	MAKMAL/ NO. BORANG	TINDAKAN YANG DIAMBIL	STATUS (SELESAI) **Selesai sehingga makluman kepada pelanggan hasil siasatan*
12.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 8. Kemudahan lif yang disediakan berfungsi dengan baik dan selamat.	KIMIA Sarawak FORENSIK (Toksikologi) 2	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Wakil setiap Unit Makmal telah menghubungi dan memaklumkan semua pelanggan masing-masing seperti berikut: Unit Kualiti Air ● Melalui e-mel pada 7 Ogos 2026. Unit Toksikologi ● Melalui aplikasi WhatsApp pada 06/08/2026 dan pelanggan telah mengambil maklum. Unit Narkotik ● Melalui surat kepada pada 17.08.2026. Unit Industri ● Unit Industri telah e-mel makluman terkini kebolehfungsian lif kepada 3 pelanggan berkenaan pada 17/8/26 pukul 11.50 pagi. Sebelum ini juga telah dimaklumkan secara lisan semasa penghantaran/kutipan sampel di kaunter. **Cadangan penambahbaikan dari makmal:** Notis pemberitahuan telah dipamerkan di lobi/ kaunter utama Jabatan pada 25/11/2025 bagi makluman kerosakan lif sehingga isu kebolehfungsian lif ini diselesaikan sepenuhnya dan memohon kerjasama penuh pelanggan, pelawat dan kakitangan diminta menggunakan tangga sedia ada buat sementara waktu. Di samping itu, Jabatan sedang menjalankan kerja-kerja penggantian lif. Majlis penyerahan Tapak bagi Projek Penggantian Lif Penumpang dan Lif Kargo serta Lain-lain Kerja Berkaitan di Jabatan Kimia Malaysia Negeri Sarawak. Projek akan diadakan dalam tempoh 12 bulan bermula pada 24 Ogos 2026. **Anggaran masa pelaksanaan (jika ada):** Bermula 24 Ogos 2026 hingga 24 Ogos 2027.	SELESAI
13.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 8. Kemudahan lif yang disediakan berfungsi dengan baik dan selamat.	KIMIA Sarawak SEKITARAN (Kualiti Air) 3		SELESAI
14.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 8. Kemudahan lif yang disediakan berfungsi dengan baik dan selamat.	KIMIA Sarawak SEKITARAN (Kualiti Air) 4		SELESAI
15.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 8. Kemudahan lif yang disediakan berfungsi dengan baik dan selamat.	KIMIA Sarawak SEKITARAN (Kualiti Air) 29		SELESAI
16.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 8. Kemudahan lif yang disediakan berfungsi dengan baik dan selamat.	KIMIA Sarawak SEKITARAN (Kualiti Air) 90		SELESAI
17.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 8. Kemudahan lif yang disediakan berfungsi dengan baik dan selamat.	KIMIA Sarawak FORENSIK (Toksikologi) 143		SELESAI
18.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 8. Kemudahan lif yang disediakan berfungsi dengan baik dan selamat.	KIMIA Sarawak FORENSIK (Narkotik) 188		SELESAI
19.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 8. Kemudahan lif yang disediakan berfungsi dengan baik dan selamat.	KIMIA Sarawak INDUSTRI (Negeri/ Cawangan) 264		SELESAI
20.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 8. Kemudahan lif yang disediakan berfungsi dengan baik dan selamat.	KIMIA Sarawak INDUSTRI (Negeri/ Cawangan) 625		SELESAI

BIL	KRITERIA PENILAIAN	MAKMAL/ NO. BORANG	TINDAKAN YANG DIAMBIL	STATUS (SELESAI) **Selesai sehingga makluman kepada pelanggan hasil siasatan*
21.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 8. Kemudahan lif yang disediakan berfungsi dengan baik dan selamat.	KIMIA Sarawak INDUSTRI (Negeri/ Cawangan) 664		SELESAI
22.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 8. Kemudahan lif yang disediakan berfungsi dengan baik dan selamat.	KIMIA Sarawak FORENSIK (Narkotik) 841		SELESAI
23.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 8. Kemudahan lif yang disediakan berfungsi dengan baik dan selamat.	KIMIA Sabah SEKITARAN (Kualiti Alam Sekitar) 981	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Pelanggan telah dimaklumkan melalui telefon pada 15/08/2026. **Maklum balas dari pelanggan:** - **Cadangan penambahbaikan dari makmal:** Lif Jabatan masih boleh digunakan pada masa ini. Walau bagaimanapun, lif tersebut berkemungkinan akan mengalami gangguan operasi secara tidak dijangka. Sekiranya berlaku gangguan, lif akan ditutup sementara bagi tujuan pemeriksaan, penyelenggaraan dan memastikan aspek keselamatan pengguna. Penggantian lif dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2027.	SELESAI
24.	**BAHAGIAN E: PENILAIAN PERKHIDMATAN TERAS** 1. Tempoh masa yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan adalah munasabah dan adil.	KIMIA Malaysia (Ibu Pejabat) FORENSIK (Narkotik) 633	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Pelanggan telah dihubungi melalui telefon pada 20/8/2026. **Maklum balas dari pelanggan:** - **Cadangan penambahbaikan dari makmal:** Pelanggan telah dimaklumkan situasi semasa di Makmal Narkotik dan pihak Jabatan sedang melaksanakan langkah penambahbaikan melalui permohonan perjawatan baru, pengoptimuman sumber sedia ada, penyusunan semula proses kerja dan keutamaan kes tanpa menjejaskan ketepatan, kualiti serta integriti keputusan analisis dalam Laporan Kimia.	SELESAI
25.	**BAHAGIAN E: PENILAIAN PERKHIDMATAN TERAS** 2. Laporan disiapkan dan diserahkan dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan.	KIMIA Malaysia (Ibu Pejabat) FORENSIK (Narkotik) 633		SELESAI
26.	**BAHAGIAN E: PENILAIAN PERKHIDMATAN TERAS** 2. Laporan disiapkan dan diserahkan dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan.	KIMIA Malaysia (Ibu Pejabat) FORENSIK (Narkotik) 991		SELESAI

BIL	KRITERIA PENILAIAN	MAKMAL/ NO. BORANG	TINDAKAN YANG DIAMBIL	STATUS (SELESAI) **Selesai sehingga makluman kepada pelanggan hasil siasatan*
27.	**BAHAGIAN E: PENILAIAN PERKHIDMATAN TERAS** 2. Laporan disiapkan dan diserahkan dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan.	KIMIA Malaysia (Ibu Pejabat) FORENSIK (Narkotik) 1049		SELESAI
28.	**BAHAGIAN E: PENILAIAN PERKHIDMATAN TERAS** 2. Laporan disiapkan dan diserahkan dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan.	KIMIA Sabah SEKITARAN (Kualiti Air) 464	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah menghubungi pelanggan melalui telefon pada 17/08/2026. **Maklum balas dari pelanggan:** **-** **Cadangan penambahbaikan dari makmal:** Pemakluman laporan melalui e-mel biasanya akan dibuat sebaik sahaja Laporan Kimia siap. Praktis yang dijalankan oleh Makmal air KIMIA Sabah kepada pelanggan Jabatan kesihatan Sabah seperti yang telah ditetapkan dalam mesyuarat bersama bahagian Kejuruteraan JKN Sabah, pelanggan dimohon untuk menghubungi Jabatan Kimia Malaysia sekiranya masih belum menerima Laporan Kimia selepas sebulan dari tempoh penghantaraan sampel. Praktis yang sama akan dibuat untuk pelanggan dari Lawas dan Limbang.	SELESAI
29.	**BAHAGIAN E: PENILAIAN PERKHIDMATAN TERAS** 2. Laporan disiapkan dan diserahkan dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan.	KIMIA Sabah FORENSIK (DNA Forensik) 553	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Pelanggan telah dihubungi menerusi e-mel untuk pemakluman pada 07/08/2026. **Maklum balas dari pelanggan:** - **Cadangan penambahbaikan dari makmal:** Pelanggan telah dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Kimia Malaysia akan sentiasa mengkaji kaedah kerja serta peralatan baharu bagi membolehkan tempoh piagam dipatuhi.	SELESAI

MAKLUMAT GRED 1 MENGIKUT MAKMAL IBU PEJABAT, NEGERI DAN CAWANGAN YANG TIDAK BERASAS

BIL	KRITERIA PENILAIAN	MAKMAL/ NO. BORANG	TINDAKAN YANG DIAMBIL	STATUS (SELESAI) *Selesai sehingga makluman kepada pelanggan hasil siasatan
1.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 1. Pegawai memberikan layanan yang cekap dan memberikan maklum balas dengan pantas (responsif).	KIMIA Malaysia (Ibu Pejabat) SEKITARAN (Kualiti Makanan) 1057	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah menghubungi pelanggan pada 5/8/2026 untuk mendapatkan penjelasan lanjut. **Maklum balas dari pelanggan:** Pelanggan menyatakan beliau salah faham dan tersilap semasa mengisi maklum balas. Pelanggan juga menyatakan tiada sebarang isu berkaitan personel dan kualiti perkhidmatan Jabatan Kimia Malaysia.	SELESAI
2.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 1. Pegawai memberikan layanan yang cekap dan memberikan maklum balas dengan pantas (responsif).	KIMIA Malaysia (Ibu Pejabat) INDUSTRI (Analisis Halal) 935	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Pelanggan telah dihubungi melalui telefon pada 13/8/2026 dan pengesahan secara bertulis melalui e-mel pada 16/8/2026. **Maklum balas dari pelanggan:** Pelanggan mengatakan tersilap mengisi borang kajian kepuasan pelanggan tersebut dan pelanggan bersetuju pegawai memberikan layanan yang cekap dan memberikan maklum balas dengan pantas (responsif).	SELESAI
3.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 1. Pegawai memberikan layanan yang cekap dan memberikan maklum balas dengan pantas (responsif).	KIMIA Melaka SEKITARAN (Kualiti Alam Sekitar) 945	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Makmal telah menghubungi Pegawai JAS tersebut pada 17/8/2026 jam 10 pagi. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai JAS memaklumkan beliau tersalah isi (skala 1:SANGAT TIDAK SETUJU) dan sebaliknya mahu memilih jawapan skala 5 iaitu SANGAT SETUJU. Respon dari pegawai tersebut menyatakan kepuasan hati beliau terhadap kualiti laporan dan layanan yang diberikan oleh kakitangan KIMIA Melaka dan beliau tidak mempunyai sebarang masalah dengan servis yang diberikan oleh Unit Kualiti Alam Sekitar & Air KIMIA Melaka.	SELESAI

4.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 1. Pegawai memberikan layanan yang cekap dan memberikan maklum balas dengan pantas (responsif).	KIMIA Perak INDUSTRI (Negeri/ Cawangan) 459	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Pelanggan telah dihubungi pada 27/08/26 jam 2.40 petang. **Maklum balas dari pelanggan:** Pelanggan memaklumkan bahawa beliau berpuas hati dengan perkhidmatan KIMIA Perak. Beliau tersilap mengisi skor penilaian.	SELESAI
5.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 1. Pegawai memberikan layanan yang cekap dan memberikan maklum balas dengan pantas (responsif).	KIMIA Terengganu FORENSIK (DNA Forensik) 169	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Ketua Unit DNA Forensik telah menghubungi Insp. Afrizal Aizat Bin Md Ariff melalui panggilan telefon pada 04 Ogos 2026 pada jam 2.30 petang. **Maklum balas dari pelanggan:** Pelanggan memaklumkan bahawa beliau telah tersilap mengisi skor Maklum balas.	SELESAI
6.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 1. Pegawai memberikan layanan yang cekap dan memberikan maklum balas dengan pantas (responsif).	KIMIA Pahang SEKITARAN (Kualiti Air) 30	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah menghubungi pelanggan pada 10 Ogos 2026 jam 4.00 petang. E-mel susulan juga telah dihantar pada 11/8/2026. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai JAS Kemaman tersebut mengakui bahawa kesilapan di pihak beliau dengan menanda ruangan 1 (Sangat Tidak Bersetuju).	SELESAI
7.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 1. Pegawai memberikan layanan yang cekap dan memberikan maklum balas dengan pantas (responsif).	KIMIA Pahang FORENSIK (Kriminalistik) 208	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah hubungi pelanggan pada 5 Ogos 2026 jam 3.30 petang. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai Kastam tersebut mengakui bahawa kesilapan di pihak beliau dengan menanda ruangan 1 (Sangat Tidak Bersetuju). **Cadangan penambahbaikan dari makmal:** Akan terus laksana sistem operasi seperti biasa.	SELESAI
8.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 1. Pegawai memberikan layanan yang cekap dan memberikan maklum balas dengan pantas (responsif).	KIMIA Sarawak SEKITARAN (Kualiti Air) 112	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah e-mel kepada pelanggan berkenaan pada 4 Ogos 2026. **Maklum balas dari pelanggan:** Untuk Isu Bahagian B Personel, Bil.1 hingga 4, pelanggan tersalah pilih jawapan. Jawapan sebenar adalah sangat setuju dan beliau telah memohon maaf atas kesilapan dan kesulitan yang berlaku melalui e-mel pada 7 Ogos 2026.	SELESAI

9.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 2. Layanan yang diberikan oleh pegawai adalah profesional dan mesra pelanggan.	KIMIA Malaysia (Ibu Pejabat) SEKITARAN (Kualiti Makanan) 1057	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah menghubungi pelanggan pada 5/8/2026 untuk mendapatkan penjelasan lanjut. **Maklum balas dari pelanggan:** Pelanggan menyatakan beliau salah faham dan tersilap semasa mengisi maklum balas. Pelanggan juga menyatakan tiada sebarang isu berkaitan personel dan kualiti perkhidmatan Jabatan Kimia Malaysia.	SELESAI
10.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 2. Layanan yang diberikan oleh pegawai adalah profesional dan mesra pelanggan.	KIMIA Melaka SEKITARAN (Kualiti Alam Sekitar) 945	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Makmal telah menghubungi Pegawai JAS tersebut pada 17/8/2026 jam 10 pagi. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai JAS memaklumkan beliau tersalah isi (skala 1:SANGAT TIDAK SETUJU) dan sebaliknya mahu memilih jawapan skala 5 iaitu SANGAT SETUJU. Respon dari pegawai tersebut menyatakan kepuasan hati beliau terhadap kualiti laporan dan layanan yang diberikan oleh kakitangan KIMIA Melaka dan beliau tidak mempunyai sebarang masalah dengan servis yang diberikan oleh Unit Kualiti Alam Sekitar & Air KIMIA Melaka.	SELESAI
11.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 2. Layanan yang diberikan oleh pegawai adalah profesional dan mesra pelanggan.	KIMIA Perak INDUSTRI (Negeri/ Cawangan) 459	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Pelanggan telah dihubungi pada 27/08/26 jam 2.40 petang. **Maklum balas dari pelanggan:** Pelanggan memaklumkan bahawa beliau berpuas hati dengan perkhidmatan KIMIA Perak. Beliau tersilap mengisi skor penilaian.	SELESAI
12.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 2. Layanan yang diberikan oleh pegawai adalah profesional dan mesra pelanggan.	KIMIA Pahang FORENSIK (Kriminalistik) 208	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah hubungi pelanggan 5 Ogos 2026 jam 3.30 petang. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai Kastam tersebut mengakui bahawa kesilapan di pihak beliau dengan menanda ruangan 1 (Sangat Tidak Bersetuju).	SELESAI
13.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 2. Layanan yang diberikan oleh pegawai adalah profesional dan mesra pelanggan.	KIMIA Sarawak SEKITARAN (Kualiti Air) 112	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah e-mel kepada pelanggan berkenaan pada 4 Ogos 2026. **Maklum balas dari pelanggan:** Untuk Isu Bahagian B: Personel, pelanggan tersalah pilih jawapan. Jawapan sebenar adalah sangat setuju dan beliau telah memohon	SELESAI

			maaf atas kesilapan dan kesulitan yang berlaku melalui e-mel pada 7 Ogos 2026.	
14.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 3. Pegawai bersikap adil dan berintegriti tinggi semasa mengendalikan urusan saya.	KIMIA Malaysia (Ibu Pejabat) SEKITARAN (Kualiti Makanan) 1057	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah menghubungi pelanggan pada 5/8/2026 untuk mendapatkan penjelasan lanjut. **Maklum balas dari pelanggan:** Pelanggan menyatakan beliau salah faham dan tersilap semasa mengisi maklum balas. Pelanggan juga menyatakan tiada sebarang isu berkaitan personel dan kualiti perkhidmatan Jabatan Kimia Malaysia.	SELESAI
15.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 3. Pegawai bersikap adil dan berintegriti tinggi semasa mengendalikan urusan saya.	KIMIA Melaka SEKITARAN (Kualiti Alam Sekitar) 945	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Makmal telah menghubungi Pegawai JAS tersebut pada 17/8/2026 jam 10 pagi. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai JAS memaklumkan beliau tersalah isi (skala 1:SANGAT TIDAK SETUJU) dan sebaliknya mahu memilih jawapan skala 5 iaitu SANGAT SETUJU. Respon dari pegawai tersebut menyatakan kepuasan hati beliau terhadap kualiti laporan dan layanan yang diberikan oleh kakitangan KIMIA Melaka dan beliau tidak mempunyai sebarang masalah dengan servis yang diberikan oleh Unit Kualiti Alam Sekitar & Air KIMIA Melaka.	SELESAI
16.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 3. Pegawai bersikap adil dan berintegriti tinggi semasa mengendalikan urusan saya.	KIMIA Pulau Pinang SEKITARAN (Bioteknologi) 190	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah menghubungi En. Mohd Nazri bin Marzuki, PKA dari PKD Bandar Baharu, Kedah pada 05/08/2026 jam 8.35 pagi. **Maklum balas dari pelanggan:** En. Nazri memaklumkan bahawa terdapat kesilapan teknikal sewaktu mengisi borang tersebut. Beliau cuba untuk berpatah balik untuk betulkan kesilapan akan tetapi tidak dapat berbuat demikian. Beliau memaklumkan bahawa segala urusan di kaunter adalah sangat baik dan memuaskan.	SELESAI
17.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 3. Pegawai bersikap adil dan berintegriti tinggi semasa mengendalikan urusan saya.	KIMIA Pahang FORENSIK (Kriminalistik) 208	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah hubungi pelanggan pada 5 Ogos 2026 jam 3.30 petang. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai Kastam tersebut mengakui bahawa kesilapan di pihak beliau dengan menanda ruangan 1 (Sangat Tidak Bersetuju).	SELESAI

18.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 3. Pegawai bersikap adil dan berintegriti tinggi semasa mengendalikan urusan saya.	KIMIA Sarawak SEKITARAN (Kualiti Air) 112	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah e-mel kepada pelanggan berkenaan pada 4 Ogos 2026. **Maklum balas dari pelanggan:** Untuk Isu Bahagian B: Personel, pelanggan tersalah pilih jawapan. Jawapan sebenar adalah sangat setuju dan beliau telah memohon maaf atas kesilapan dan kesulitan yang berlaku melalui e-mel pada 7 Ogos 2026.	SELESAI
19.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 4. Pegawai yang bertugas berpengetahuan dan mahir dalam bidang mereka.	KIMIA Malaysia (Ibu Pejabat) SEKITARAN (Kualiti Makanan) 1057	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah menghubungi pelanggan pada 5/8/2026 untuk mendapatkan penjelasan lanjut. **Maklum balas dari pelanggan:** Pelanggan menyatakan beliau salah faham dan tersilap semasa mengisi maklum balas. Pelanggan juga menyatakan tiada sebarang isu berkaitan personel dan kualiti perkhidmatan Jabatan Kimia Malaysia.	SELESAI
20.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 4. Pegawai yang bertugas berpengetahuan dan mahir dalam bidang mereka.	KIMIA Melaka SEKITARAN (Kualiti Alam Sekitar) 945	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Makmal telah menghubungi Pegawai JAS tersebut pada 17/8/2026 jam 10 pagi. **Maklum balas dari pelanggan:** Pelanggan memaklumkan beliau tersalah isi (skala 1:SANGAT TIDAK SETUJU) dan sebaliknya mahu memilih jawapan skala 5 iaitu SANGAT SETUJU. Respon dari pegawai tersebut menyatakan kepuasan hati beliau terhadap kualiti laporan dan layanan yang diberikan oleh kakitangan KIMIA Melaka dan beliau tidak mempunyai sebarang masalah dengan servis yang diberikan oleh Unit Kualiti Alam Sekitar & Air KIMIA Melaka.	SELESAI
21.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 4. Pegawai yang bertugas berpengetahuan dan mahir dalam bidang mereka.	KIMIA Pahang FORENSIK (Kriminalistik) 208	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** 5 Ogos 2026 jam 3.30 petang. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai Kastam tersebut mengakui bahawa kesilapan di pihak beliau dengan menanda ruangan 1 (Sangat Tidak Bersetuju).	SELESAI
22.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 4. Pegawai yang bertugas berpengetahuan dan mahir dalam bidang mereka.	KIMIA Sarawak SEKITARAN (Kualiti Air) 112	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah e-mel kepada pelanggan berkenaan pada 4 Ogos 2026 untuk mendapatkan penjelasan maklum balas kajian kepuasan pelanggan.	SELESAI

			Maklum balas dari pelanggan: Untuk Isu Bahagian B: Personel, pelanggan tersalah pilih jawapan. Jawapan sebenar adalah sangat setuju dan beliau telah memohon maaf atas kesilapan dan kesulitan yang berlaku melalui e-mel pada 7 Ogos 2026.	
23.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 4. Pegawai yang bertugas berpengetahuan dan mahir dalam bidang mereka.	KIMIA Sabah SEKITARAN (Kualiti Air) 778	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Pelanggan telah dihubungi melalui telefon pada 20/08/2026. **Maklum balas dari pelanggan:** Pelanggan mengakui terdapat kesilapan dalam mengisi borang kajian kepuasan pelanggan.	SELESAI
24.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 5. Maklumat yang disampaikan adalah tepat, jelas, dan mudah difahami.	KIMIA Malaysia (Ibu Pejabat) SEKITARAN (Kualiti Makanan) 1057	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah menghubungi pelanggan pada 5/8/2026 untuk mendapatkan penjelasan lanjut. **Maklum balas dari pelanggan:** Pelanggan menyatakan beliau salah faham dan tersilap semasa mengisi maklum balas. Pelanggan juga menyatakan tiada sebarang isu berkaitan personel dan kualiti perkhidmatan Jabatan Kimia Malaysia.	SELESAI
25.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 5. Maklumat yang disampaikan adalah tepat, jelas, dan mudah difahami.	KIMIA Melaka SEKITARAN (Kualiti Alam Sekitar) 945	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Makmal telah menghubungi Pegawai JAS tersebut pada 17/8/2026 jam 10 pagi. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai JAS memaklumkan beliau tersalah isi (skala 1:SANGAT TIDAK SETUJU) dan sebaliknya mahu memilih jawapan skala 5 iaitu SANGAT SETUJU. Respon dari pegawai tersebut menyatakan kepuasan hati beliau terhadap kualiti laporan dan layanan yang diberikan oleh kakitangan KIMIA Melaka dan beliau tidak mempunyai sebarang masalah dengan servis yang diberikan oleh Unit Kualiti Alam Sekitar & Air KIMIA Melaka.	SELESAI
26.	**BAHAGIAN B: PERSONEL** 5. Maklumat yang disampaikan adalah tepat, jelas, dan mudah difahami.	KIMIA Pahang FORENSIK (Kriminalistik) 208	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah hubungi pelanggan pada 5 Ogos 2026 jam 3.30 petang. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai Kastam tersebut mengakui bahawa kesilapan di pihak beliau dengan menanda ruangan 1 (Sangat Tidak Bersetuju).	SELESAI

27.	**BAHAGIAN C: KUALITI PERKHIDMATAN** 1. Prosedur dan panduan disediakan mudah difahami.	KIMIA Malaysia (Ibu Pejabat) SEKITARAN (Kualiti Makanan) 1057	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah menghubungi pelanggan pada 5/8/2026 untuk mendapatkan penjelasan lanjut. **Maklum balas dari pelanggan:** Pelanggan menyatakan beliau salah faham dan tersilap semasa mengisi maklum balas. Pelanggan juga menyatakan tiada sebarang isu berkaitan personel dan kualiti perkhidmatan Jabatan Kimia Malaysia.	SELESAI
28.	**BAHAGIAN C: KUALITI PERKHIDMATAN** 1. Prosedur dan panduan disediakan mudah difahami.	KIMIA Melaka SEKITARAN (Kualiti Alam Sekitar) 945	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Makmal telah menghubungi Pegawai JAS tersebut pada 17/8/2026 jam 10 pagi. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai JAS memaklumkan beliau tersalah isi (skala 1:SANGAT TIDAK SETUJU) dan sebaliknya mahu memilih jawapan skala 5 iaitu SANGAT SETUJU. Respon dari pegawai tersebut menyatakan kepuasan hati beliau terhadap kualiti laporan dan layanan yang diberikan oleh kakitangan KIMIA Melaka dan beliau tidak mempunyai sebarang masalah dengan servis yang diberikan oleh Unit Kualiti Alam Sekitar & Air KIMIA Melaka.	SELESAI
29.	**BAHAGIAN C: KUALITI PERKHIDMATAN** 1. Prosedur dan panduan disediakan mudah difahami.	KIMIA Pahang FORENSIK (Kriminalistik) 208	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah hubungi pelanggan pada 5 Ogos 2026 jam 3.30 petang. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai Kastam tersebut mengakui bahawa kesilapan di pihak beliau dengan menanda ruangan 1 (Sangat Tidak Bersetuju).	SELESAI
30.	**BAHAGIAN C: KUALITI PERKHIDMATAN** 2. Penyampaian perkhidmatan memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan.	KIMIA Malaysia (Ibu Pejabat) SEKITARAN (Kualiti Makanan) 1057	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah menghubungi pelanggan pada 5/8/2026 untuk mendapatkan penjelasan lanjut. **Maklum balas dari pelanggan:** Pelanggan menyatakan beliau salah faham dan tersilap semasa mengisi maklum balas. Pelanggan juga menyatakan tiada sebarang isu berkaitan personel dan kualiti perkhidmatan Jabatan Kimia Malaysia.	SELESAI
31.	**BAHAGIAN C: KUALITI PERKHIDMATAN**	KIMIA Melaka SEKITARAN (Kualiti Alam Sekitar)	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Makmal telah menghubungi Pegawai JAS tersebut pada 17/8/2026 jam 10 pagi.	SELESAI

	2. Penyampaian perkhidmatan memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan.	945	**Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai JAS memaklumkan beliau tersalah isi (skala 1:SANGAT TIDAK SETUJU) dan sebaliknya mahu memilih jawapan skala 5 iaitu SANGAT SETUJU. Respon dari pegawai tersebut menyatakan kepuasan hati beliau terhadap kualiti laporan dan layanan yang diberikan oleh kakitangan KIMIA Melaka dan beliau tidak mempunyai sebarang masalah dengan servis yang diberikan oleh Unit Kualiti Alam Sekitar & Air KIMIA Melaka.	
32.	**BAHAGIAN C: KUALITI PERKHIDMATAN** 2. Penyampaian perkhidmatan memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan.	KIMIA Pahang FORENSIK (Kriminalistik) 208	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah hubungi pelanggan pada 5 Ogos 2026 jam 3.30 petang. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai Kastam tersebut mengakui bahawa kesilapan di pihak beliau dengan menanda ruangan 1 (Sangat Tidak Bersetuju).	SELESAI
33.	**BAHAGIAN C: KUALITI PERKHIDMATAN** 3. Jabatan ini mudah dihubungi melalui pelbagai platform seperti telefon, e-mel, bersemuka, portal rasmi dan lain-lain.	KIMIA Melaka SEKITARAN (Kualiti Alam Sekitar) 945	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Makmal telah menghubungi Pegawai JAS tersebut pada 17/8/2026 jam 10 pagi. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai JAS memaklumkan beliau tersalah isi (skala 1:SANGAT TIDAK SETUJU) dan sebaliknya mahu memilih jawapan skala 5 iaitu SANGAT SETUJU. Respon dari pegawai tersebut menyatakan kepuasan hati beliau terhadap kualiti laporan dan layanan yang diberikan oleh kakitangan KIMIA Melaka dan beliau tidak mempunyai sebarang masalah dengan servis yang diberikan oleh Unit Kualiti Alam Sekitar & Air KIMIA Melaka.	SELESAI
34.	**BAHAGIAN C: KUALITI PERKHIDMATAN** 3. Jabatan ini mudah dihubungi melalui pelbagai platform seperti telefon, e-mel, bersemuka, portal rasmi dan lain-lain.	KIMIA Pahang FORENSIK (Kriminalistik) 208	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah hubungi pelanggan pada 5 Ogos 2026 jam 3.30 petang. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai Kastam tersebut mengakui bahawa kesilapan di pihak beliau dengan menanda ruangan 1 (Sangat Tidak Bersetuju).	SELESAI
35.	**BAHAGIAN C: KUALITI PERKHIDMATAN** 4. Maklumat yang disampaikan tepat dan seragam.	KIMIA Melaka SEKITARAN (Kualiti Alam Sekitar) 945	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Makmal telah menghubungi Pegawai JAS tersebut pada 17/8/2026 jam 10 pagi. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai JAS memaklumkan beliau tersalah isi (skala 1:SANGAT TIDAK SETUJU) dan sebaliknya mahu memilih jawapan skala 5	SELESAI

			iaitu SANGAT SETUJU. Respon dari pegawai tersebut menyatakan kepuasan hati beliau terhadap kualiti laporan dan layanan yang diberikan oleh kakitangan KIMIA Melaka dan beliau tidak mempunyai sebarang masalah dengan servis yang diberikan oleh Unit Kualiti Alam Sekitar & Air KIMIA Melaka.	
36.	**BAHAGIAN C: KUALITI PERKHIDMATAN** 4. Maklumat yang disampaikan tepat dan seragam.	KIMIA Pahang FORENSIK (Kriminalistik) 208	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah hubungi pelanggan pada 5 Ogos 2026 jam 3.30 petang. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai Kastam tersebut mengakui bahawa kesilapan di pihak beliau dengan menanda ruangan 1 (Sangat Tidak Bersetuju).	SELESAI
37.	**BAHAGIAN C: KUALITI PERKHIDMATAN** 5. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan ini adalah relevan dan penting.	KIMIA Melaka SEKITARAN (Kualiti Alam Sekitar) 945	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Makmal telah menghubungi Pegawai JAS tersebut pada 17/8/2026 jam 10 pagi. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai JAS memaklumkan beliau tersalah isi (skala 1:SANGAT TIDAK SETUJU) dan sebaliknya mahu memilih jawapan skala 5 iaitu SANGAT SETUJU. Respon dari pegawai tersebut menyatakan kepuasan hati beliau terhadap kualiti laporan dan layanan yang diberikan oleh kakitangan KIMIA Melaka dan beliau tidak mempunyai sebarang masalah dengan servis yang diberikan oleh Unit Kualiti Alam Sekitar & Air KIMIA Melaka.	SELESAI
38.	**BAHAGIAN C: KUALITI PERKHIDMATAN** 5. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan ini adalah relevan dan penting.	KIMIA Pahang FORENSIK (Kriminalistik) 208	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Telah hubungi pelanggan pada 5 Ogos 2026 jam 3.30 petang. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai Kastam tersebut mengakui bahawa kesilapan di pihak beliau dengan menanda ruangan 1 (Sangat Tidak Bersetuju).	SELESAI
39.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 1. Persekitaran di premis Jabatan sentiasa bersih dan kemas.	KIMIA Melaka SEKITARAN (Kualiti Alam Sekitar) 945	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Makmal telah menghubungi Pegawai JAS tersebut pada 17/8/2026 jam 10 pagi. **Maklum balas dari pelanggan:** Pegawai JAS memaklumkan beliau tersalah isi (skala 1:SANGAT TIDAK SETUJU) dan sebaliknya mahu memilih jawapan skala 5 iaitu SANGAT SETUJU. Respon dari pegawai tersebut menyatakan kepuasan hati beliau terhadap kualiti laporan dan layanan yang diberikan oleh kakitangan KIMIA Melaka dan beliau	SELESAI

			tidak mempunyai sebarang masalah dengan servis yang diberikan oleh Unit Kualiti Alam Sekitar & Air KIMIA Melaka.	
40.	**BAHAGIAN D: KEMUDAHAN** 1. Persekitaran di premis Jabatan sentiasa bersih dan kemas.	KIMIA Sabah FORENSIK (Narkotik) 872	**Tarikh/masa pemakluman hasil siasatan kepada pelanggan:** Pelanggan telah dihubungi dengan aplikasi WhatsApp telefon pada 07/08/2026. **Maklum balas dari pelanggan:** Pelanggan mengakui tersilap memilih pilihan jawapan semasa mengisi borang kajian kepuasan pelanggan tersebut.	SELESAI
